



Dalam organisasi kecil mahupun besar, kegagalan komunikasi visual spontan membawa implikasi kewangan yang besar. Mesyuarat berulang, salah tafsir arahan, dan keputusan yang berubah-ubah sering berpunca daripada satu perkara iaitu tiada visual yang boleh menjadi penghubung untuk dipersetujui bersama."

dalam bentuk yang lebih mudah. Sekolah yang tidak membudayakan lakaran visual spontan sebenarnya sedang melahirkan generasi yang pandai menerima maklumat, tetapi lemah menzahirkan idea. Ini adalah kerugian besar kepada ekosistem pembangunan inovasi negara. Perkara ini "nampak" remeh tetapi memberi impak yang sangat besar kepada individu, kumpulan, komuniti, masyarakat dan negara.

DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI: PENYELIDIKAN SUKAR DITERJEMAH


Di universiti, masalah yang sama berulang dalam skala lebih besar. Idea-idea bernas daripada minda pengkaji tidak dapat dizahirkan dengan sempurna kerana ketidakupayaan menggunakan lakaran visual spontan secara efektif. Jangan melihat kepada individu yang mampu melakar secara spontan tetapi lihat kepada majoriti individu yang tidak mampu berbuat demikian. Mereka inilah yang kita perlu bantu mahir lakaran visual spontan dan komunikasi visual spontan.

Apabila lakaran visual spontan tidak dikuasai, idea-idea penyelidikan sukar untuk difahami oleh semua pihak termasuk industri. Pembentangan menjadi kabur dan soalan-soalan dijawab menggunakan lisan dan teks tanpa grafik mudah difahami dalam bentuk subjektif. Sudah tentu potensi inovasi sebenar tidak tercapai dan merugikan banyak pihak termasuklah negara. Akhirnya, inovasi-inovasi yang bagus terbenam

begitu sahaja dan pastinya tidak dapat menyumbang kepada ekonomi dan kemakmuran negara.

DALAM ORGANISASI: KOS SALAH FAHAM YANG MAHAL

Dalam organisasi kecil mahupun besar, kegagalan komunikasi visual spontan membawa implikasi kewangan yang besar. Mesyuarat berulang, salah tafsir arahan, dan keputusan yang berubah-ubah sering berpunca daripada satu perkara iaitu tiada visual yang boleh menjadi penghubung untuk dipersetujui bersama. Komunikasi visual spontan memainkan peranan dalam mencetuskan inovasi dalam perbincangan dan sebagainya. Tanpa lakaran visual spontan idea sukar difahami oleh setiap jabatan. Projek akan mengambil masa lebih lama daripada yang sepatutnya. Sumber dibazirkan untuk membetulkan salah faham. Akhirnya inovasi terbantut menjadi organisasi tersebut sukar maju ke hadapan. Perkara ini nampak remeh tetapi kalau anda fikirkan secara mendalam memang ia benar. Banyak organisasi mungkin menyangka mereka kehilangan masa atau wang kerana faktor luaran, tetapi punca sebenar ialah ketidakupayaan individu dalam organisasi menzahirkan dan menyampaikan idea-idea dengan cekap dan berkesan.



PROFIT\$ FROM VISUALS

How Visuals Drive Profit for Individuals and Organizations

Author
Dr. Ruzaimi Mat Rani
Co-Author
Amirul Iskander Mannan
Dr. Izzah Abdul Ghani




Imbas
Kod QR



MEMBACA
VISUAL

INI APA?



BACK VISUAL INI...

MENCIPTA
VISUAL

LAKAR KEMAHIRAN
IDAMAN...
? MAMAM MANA
NAK LUKIS...

CIPTA VISUAL INI...

**INOVASI TERBANTUT
DISEBABKAN KITA TIDAK MAHIR
MENCIPTA VISUAL**

**INOVASI MEMERLUKAN
KEJELASAN IDEA BUKAN
KEPETAHAN BERCAKAP
TENTANG IDEA**
Inovasi tidak memerlukan

kita menerangkan menggunakan ayat berjela-jela atau penerangan lisan berjam-jam. Inovasi hanya memerlukan kejelasan daripada idea-idea kreatif dan logik untuk dilaksanakan supaya inovasi yang idamkan berjaya. Kejelasan lahir apabila idea-idea dapat dilihat dan difahami secara optima. Lakaran visual spontan membolehkan idea-idea daripada minda cipta dijana, diuji dan diubah suai menjadikan satu inovasi bermutu.

Apabila organisasi atau institusi pendidikan mengabaikan kemahiran komunikasi visual spontan dan lakaran visual spontan, kita sebenarnya sedang melambatkan proses inovasi. Ia juga mampu meningkatkan risiko kegagalan projek dan

**SAYA BANYAK IDEA
INOVATIF... MALANGNYA
SAYA TIDAK MAHIR
MELAKAR IDEA-IDEA ITU.**

**INOVASI TERBANTUT
DISEBABKAN KITA TIDAK MAHIR
MENCIPTA VISUAL**

mengurangkan keberkesanan organisasi tersebut untuk berfungsi secara optima.

DARI SEKOLAH KE ORGANISASI: SATU BENANG MERAH

Benang merah yang menghubungkan kegagalan inovasi daripada sekolah ke organisasi besar ialah ketiadaan budaya lakaran visual spontan. Guru dan pensyarah tidak dilatih secara formal untuk menggunakan lakaran visual spontan secara efektif. Hal ini menyebabkan budaya lakaran visual spontan tidak menjadi agenda penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Senario ini menyebabkan perkara yang sama berlaku apabila mereka di alam pekerjaan. Adakah perkara ini boleh dibetulkan? Hakikatnya, lakaran visual spontan ialah kemahiran asas seperti menulis, membaca dan bercakap. Ia boleh dipelajari dan dilatih dan diperkasa pada bila-bila masa. Sudah tentu tidak mengira usia. Betul kata pepatah ini "Nak seribu daya, tak nak seribu dalih".

KESIMPULAN: INOVASI BERMULA DENGAN SATU GARISAN

Inovasi mampan tidak lahir daripada idea-idea hebat semata-mata tetapi daripada keupayaan untuk menzahirkan idea itu secara jelas dan pantas. Inovasi juga seharusnya tidak bergantung kepada individu-individu tertentu sahaja tetapi perlu datang daripada semua orang dalam sesebuah organisasi. Makin banyak inovasi makin banyak peluang untuk maju. Tanpa komunikasi visual spontan dan lakaran visual spontan, inovasi akan terus terbantut dan kita terus menyalahkan proses berfikir tidak cekap, walhal disebabkan oleh kemahiran yang tidak didendang. Bayangkan semua orang mahir komunikasi visual spontan, sudah tentu di bilik darjah, di makmal, dan di bilik lembaga pengarah, pasti inovasi akan berkembang mekar.

Jika kita benar-benar mahu melahirkan masyarakat pencipta dan organisasi berinovatif, kita perlu kembali kepada asas keperluan manusia. Ajar manusia melakar untuk berfikir dan berfikir untuk mencipta. Kerana setiap inovasi besar, sebenarnya bermula dengan satu lakaran kecil yang difahami bersama dengan mudah.

Buku "Profits from Visuals" menceritakan secara jelas bagaimana komunikasi visual spontan mempengaruhi inovasi. Setiap individu atau organisasi yang ingin menggelarkan diri mereka fasih berinovasi perlu memiliki dan membaca buku ini.